

Nilai2 Islam dalam projek2:

# Badan penasihat akan ditubuh, kata Sanusi

ALOR SETAR, Ahad — Kerajaan sedang dalam proses menubuhkan sebuah badan penasihat untuk menentukan sama ada satu-satu rancangan pembangunan itu bercanggah atau tidak dengan kehendak Islam.

Badan penasihat tersebut akan terdiri dari para alim ulamak dan pakar-pakar Islam terkemuka tanahair, kata Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid, malam tadi.

Katanya, tujuan utama badan penasihat tersebut ialah menentukan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan tidak bercanggah tetapi selaras dengan kehendak Islam.

Encik Sanusi mem-



ENCIK SANUSI

beritahu para pemberita demikian, selepas menghadiri majlis kesukuran dan keralan atas perlantikannya sebagai Menteri Kabinet anjuran bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Kedah dan UMNO

B a h a g i a n Jerlun/Langkawi di Air Hitam, 27 km. dari sini.

Katanya, kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed mengambil langkah menubuhkan badan penasihat tersebut kerana ianya menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan tahap penghayatan ajaran Islam di negara ini.

Encik Sanusi berkata, kejayaan Malaysia melaksanakan berbagai aktiviti untuk meningkatkan penghayatan Islam telah mendapat sanjungan dan pujian dari negara-negara Islam.

Malaysia sebagai pelopor utama sekretariat negara-negara Islam, pembangunan Islam dan musabaqah membaca al-Quran telah diakui kejayaannya oleh dunia.

Bellau menyeru umat Islam, terutama orang-orang Melayu, supaya memahami hakikat ter-

sebut dan jangan mudah terpengaruh dengan dakwah dan hasutan pihak-pihak tertentu yang mendakwa kononnya mereka memperjuangkan konsep Islam di negara ini.

Encik Sanusi menyeru orang-orang Melayu supaya terus menyokong kerajaan melalui UMNO, menjamin masa depan yang lebih cerah untuk mereka dan negara. — Bernama.